

## Perang Bangsawan Politik di Malaysia: Satu Naratif Ringkas terhadap UMNO

### *The Aristocratic Political War in Malaysia: A Brief Narrative on UMNO*

Ku Hasnan Ku Halim<sup>1\*</sup>, Ahmad Mujahid Ahmad Zaidi<sup>2</sup>, Shamsulkhairi Md Salleh<sup>3</sup>, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee<sup>4</sup>, Jamal Rizal Razali<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Center for General Studies and Co-curriculum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, MALAYSIA

<sup>2</sup> Pejabat Naib Canselor  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, MALAYSIA

<sup>3</sup> Pejabat Canselori  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, MALAYSIA

<sup>4</sup> Institut Tun Perak, MALAYSIA

<sup>5</sup> Universiti Malaysia Pahang Al Sultan Abdullah, MALAYSIA

\*Pengarang Utama: [hasnan@uthm.edu.my](mailto:hasnan@uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2024.04.02.005>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 26 September 2024

Diterima: 30 November 2024

Diterbitkan: 10 Disember 2024

#### Kata Kunci

Politik, Parti Politik, Krisis, Konflik,  
Kuasa, Puak

#### Abstrak

Penubuhan UMNO membuktikan orang Melayu berusaha bersatu dan mengenyepikan semangat kenegerian demi menentang rancangan British memperkenalkan rancangan Malayan Union. Namun begitu, walaupun orang-orang Melayu dapat bersatu dengan menubuhkan UMNO, perbezaan pandangan dan orientasi masih tetap kekal dalam organisasi yang baru ditubuhkan oleh mereka. Misalnya, dalam UMNO pada masa itu terdapat golongan berpendidikan agama, Inggeris dan Melayu. Selain itu, terdapat juga persatuan-persatuan lain selain daripada persatuan yang berasaskan kenegeriaan dan kedaerahan. Sebagai contoh, dalam UMNO ketika itu turut dianggotai Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang cenderung menentang amalan sistem feodal dan condong memperjuangkan kewujudan sebuah negara Melayu nusantara. Perbezaan daripada segi orientasi, aliran pemikiran, pendekatan dan sebagainya yang terhasil daripada gabungan persatuan dalam UMNO, menyebabkan parti tersebut sentiasa berpotensi untuk bergolak.

#### Keywords

Politics, Political Parties, Crisis,  
Conflict, Power, Factions

#### Abstract

The establishment of UMNO demonstrated the Malays' efforts to unite and set aside regional sentiments to oppose the British plan of introducing the Malayan Union. However, despite successfully forming UMNO as a unified front, differences in views and orientations persisted within the newly established organization. For instance, UMNO at the time included groups with religious, English, and Malay educational backgrounds. Additionally, other associations beyond those based on regionalism and territorial

*sentiments were also part of UMNO. For example, the Malay Nationalist Party (PKMM), which opposed the feudal system and leaned toward advocating for the creation of a pan-Malay Nusantara state, was also part of UMNO. The differences in orientation, schools of thought, approaches, and others resulting from the coalition of associations within UMNO rendered the party consistently susceptible to internal conflicts.*

## 1. Pendahuluan

Faktor sejarah pembentukan UMNO tidak boleh sama sekali dipinggirkan dalam usaha kita menjelaskan fenomena pergolakan politik UMNO. UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946, merupakan parti yang menggabungkan lebih 37 buah persatuan Melayu daripada seluruh Tanah Melayu. Daripada 37 buah persatuan yang bergabung itu, kecuali Parti Kebangsaan Melayu Malaya semuanya berasaskan kepada kenegerian dan kedaerahan. Di samping itu juga kebanyakan persatuan yang berbau kenegerian ini dipimpin oleh mereka daripada golongan bangsawan (aristokrat). Tidak lama selepas UMNO ditubuhkan, pergolakan pertama berlaku apabila Parti Kebangsaan Melayu Malaya menarik diri daripada bergabung dengan UMNO rentetan daripada penolakan usul mereka tentang pemilihan warna bendera UMNO ditolak semasa berlangsungnya mesyuarat parti tersebut di Ipoh, Perak.

## 2. PKMM Keluar UMNO 1946

Pada 29 Jun 1946, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah menarik diri daripada bergabung dengan UMNO. Peristiwa bersejarah dalam perkembangan politik Melayu ini berlaku semasa UMNO mengadakan persidangan perwakilannya selama dua hari iaitu pada 29-30 Jun 1946, bertempat di Dewan Bandaran, Ipoh. Persidangan perwakilan UMNO ini telah dipengerusikan oleh Datuk Onn bin Jaafar dan diadakan khas bagi membincangkan undang-undang pertubuhan, bentuk dan coraknya lambang UMNO dan tentang langkah-langkah penentangan yang berkesan terhadap penubuhan Malayan Union. PKMM telah diwakili oleh Ahmad Boestaman, Ishak Hj. Muhamad dan Abd. Rahman Rahim. Isu lambang telah menjadi tumpuan perbincangan, iaitu tiap-tiap badan gabungan mengemukakan satu contoh. PKMM telah mengemukakan bendera PKMM yang dinamakan "Sang Saka Merah Putih" sebagai lambang UMNO. Setelah pengundian dijalankan, usul PKMM telah kalah hanya satu undi daripada usul Pergerakan Melayu Semenanjung yang dipimpin oleh Dato' Onn Sendiri.

Selain itu, PKMM tidak berpuas hati dengan dasar pemberian suara undi oleh sebab perwakilannya hanya diberikan dua suara undi sedangkan ahlinya beribu-beribu, manakala badan-badan gabungan yang lain ada yang mempunyai seratus atau dua ratus orang ahli sahaja. PKMM mengesyorkan supaya peraturan mengundi ditukar dengan menambahkan wakil perunding berdasarkan jumlah ahli. Cadangan ini tidak dipersetujui oleh Datuk Onn kerana sistem itu akan melahirkan rasa tidak puas hati dan rasa kurang penting kepada badan-badan yang mempunyai ahli yang sedikit. Usul PKMM mendapat sokongan yang tidak disangka-sangka, iaitu 49 daripada 50 undi telah mengukuhkan keyakinan PKMM untuk berjuang bersendirian dan menarik diri daripada gabungan UMNO. Penarikan diri PKMM juga disebabkan oleh perbezaan kaedah dalam mencapai kemerdekaan dan konsep kemerdekaan itu sendiri. PKMM inginkan kemerdekaan dengan seberapa segera untuk bangsa Melayu tanpa campur tangan Inggeris hingga sebahagian daripada ahlinya sanggup memperjuangkannya walaupun dengan pertumpahan darah. PKMM yakin dengan kekukuhannya di samping iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Barisan Tani Semenanjung (BATAS) dan beberapa pertubuhan kecil lain yang radikal dan dengan akhbar seperti *Suara Rakyat*, *Pelita Malaya* dan *Suara Malaya* sebagai saluran propagandanya. Pemimpin-pemimpin PKMM lebih mengutamakan perjuangan Melayu Nusantara dengan membelakangkan pihak penjajah dan golongan feodal yang dituduh bertanggungjawab menyebabkan kemunduran rakyat jelata. PKMM enggan bekerjasama dan tidak bersetuju memperjuangkan kemerdekaan secara kompromi sebagaimana yang dipraktikkan oleh UMNO. Disebabkan oleh konsep dan ideologi yang berbeza, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) menarik diri daripada menjadi badan gabungan UMNO pada Jun 1946. Dengan penarikan diri PKMM itu, UMNO mula mendapat persaingan hebat dalam arena politik Melayu di Tanah Melayu.

## 3. Onn Jaafar Keluar UMNI 1951

Peletakan senjata oleh tentera Jepun pada 1945 telah memberi laluan kepada Inggeris pulang menjajah semula Tanah Melayu. Kerajaan Inggeris secara serta merta telah membawa cadangan struktur pemerintahan baru ke Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malayan Union. Malayan Union ini terdiri daripada sembilan buah negeri Tanah Melayu, Pulau Pinang dan Melaka. Singapura tidak termasuk dalam gagasan Malayan Union dan seorang gabenor akan dilantik untuk mentadbir Tanah Melayu dan Singapura. Idea penubuhan Malayan Union telah mendapat bantahan daripada orang-orang Melayu. Akhbar-akhbar Melayu menentang Malayan Union. Pada 20 November 1945, lapan buah persatuan Melayu Johor telah bergabung untuk menjadi Liga Melayu Johor. Pada 3 Januari 1946 pula, Gerakan Melayu Semenanjung telah ditubuhkan di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar.

Pada bulan Januari 1946, orang Melayu berusaha dengan gigih untuk menghidupkan semula persatuan-persatuan lama dan menubuhkan persatuan baru bagi menentang Malayan Union. Dua perkara penting yang ditentang oleh orang Melayu ialah penghapusan kedaulatan sultan-sultan dan pemberian hak kerakyatan menerusi prinsip jus soli.

Satu gabungan yang dikenali sebagai Kongres Melayu Se-Malaya telah ditubuhkan di mana Dato' Onn Jaafar dilantik menjadi pengerusinya. Antara persatuan yang bergabung membentuk kongres ini ialah Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Kesatuan Melayu Kedah, Persatuan Melayu Kelantan, Kesatuan Melayu Melaka, Persatuan Melayu Negeri Sembilan, Persatuan Melayu Pahang, Perikatan Melayu Perak, Persetiaan Muslim Teluk Anson dan beberapa buah persatuan Melayu lain. Penubuhan Kongres ini telah membawa kepada penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) rentetan daripada satu persidangan yang berlangsung di Johor Bahru pada 1946. Melalui Pekembar (United Malays National Organisation-UMNO), beberapa siri bantahan terhadap penubuhan Malayan Union telah dilakukan. Yang dipertua UMNO pertama Dato' Onn Jaafar telah berusaha menyemarakkan semangat rakyat menentang Malayan Union malah lebih daripada itu berusaha untuk mencapai pemerintahan sendiri daripada kerajaan Inggeris. Usaha Dato' Onn Jaafar memimpin orang Melayu di bawah payung UMNO tidak lama. Pada 1950 beliau telah meletak jawatan sebagai Yang dipertua UMNO selepas gagasan pemikirannya tentang kerakyatan, keahlian UMNO dan beberapa perkara lain tidak dapat diterima oleh ahli UMNO. Perletakan jawatan oleh Dato' Onn Jaafar sebagai Yang dipertua UMNO telah diikuti oleh kebanyakan daripada anggota Jawatankuasa Kerja Pusat UMNO. Selepas itu Dato' Onn Jaafar telah menubuhkan Independence of Malaya Party (IMP). Keahlian parti baru ini adalah berasaskan kepada kepelbagaian kaum. Antara mereka yang awal menyertai parti ini ialah seperti Tun Tan Cheng Lock, Datuk E.E.C. Thuraisingham, Abdul Wahab Toh Muda Abdul Aziz (Datuk Panglima Bukit Gantang), Zainal Abidin Hj. Abas, P.P. Narayanan (Yang Dipertua Kongres Kesatuan Sekerja Tanah Melayu), Khoo Teik Ee (Bendahari MCA), Tan Siew Sin, dan beberapa tokoh lain. Reaksi kepada penubuhan parti baru itu, Tunku Abdul Rahman yang dipilih menggantikan Dato' Onn Jaafar sebagai Yang Dipertua UMNO kedua telah mengambil beberapa tindakan termasuklah menyingkirkan ahli UMNO yang didapati terlibat dengan IMP.

Persaingan politik antara Tunku Abdul Rahman dan Dato' Onn Jaafar pada era 1940-an dan 1950-an adalah disebabkan oleh dua orientasi politik yang berbeza. Tunku dilihat lebih cenderung kepada nasionalisme tradisional, manakala Dato'Onn Jaafar lebih bersikap anti feodal (Saharuddin Maaruf 1988:125). Hal ini dapat diperhatikan dalam isu pelantikan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Malaya. Sultan Badlishah telah memainkan peranan menggerakkan Raja-raja Melayu lain untuk sama-sama menentang cadangan Dato'Onn. Baginda dipercayai mendapat nasihat daripada Tunku Abdul Rahman memandangkan beliau abang kepada Tunku. Konflik Dato' Onn dengan pihak istana Kedah dapat dilihat menerusi ucapan yang disampaikan ketika majlis perpisahan beliau dengan UMNO. Sikap anti feodal Dato'Onn bukanlah baru kerana beliau sebelum ini pernah berkrisis dengan istana Johor. Tindakan Dato'Onn mengkritik pihak Inggeris dan Sultan Johor telah mengundang tindakan 'buang kerja' pada tahun 31 Jun 1920. Dato'Onn mengkritik Sultan Ibrahim kerana tindakan baginda melelong harta ayahnya Dato'Jaafar yang dikatakan berhutang dengan kerajaan negeri Johor. Hanya pada tahun 1922, Dato'Onn diambil kembali bekerja setelah Tunku Ismail berjaya memujuk Sultan Ibrahim. Peristiwa perletakan jawatan Dato' Onn Jaafar sebagai Yang dipertua UMNO merupakan krisis awal yang melibatkan parti tersebut. Rentetan peristiwa tersebut telah berlaku perpecahan atau kepuakan dalam parti UMNO. Parti secara kasar telah terbahagi kepada mereka yang menyokong Dato' Onn Jaafar dan mereka yang tidak bersetuju dengan idea-idea Dato' Onn Jaafar. Seterusnya penubuhan IMP sebagai parti yang mendokong kepercayaan parti pelbagai kaum telah menambah perpecahan dalam kalangan orang-orang Melayu.

#### 4. Pemecatan Ultra Melayu 1969

Kejadian pada 13 Mei 1969, telah mengoncang pemerintahan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Malaysia. Di Kuala Lumpur hubungan antara kaum Melayu dan Cina telah menjadi tegang. Datuk Harun Idris telah menggerakkan sekumpulan pemuda yang dikenali "Pemuda-pemuda Tahan Lasak" berarak di sekitar Kampung Baru bertujuan menunjukkan kekuatan orang Melayu kepada orang-orang Cina. Pada 11 dan 12 Mei 1969, penyokong-penyokong parti pembangkang turut berarak di sekitar Kuala Lumpur seolah-olah merayakan kemenangan dalam pilihan raya umum 1969.

Beberapa hari sebelum itu iaitu pada 10 Mei 1969, pilihan raya umum dilangsungkan dan menyaksikan Parti Perikatan kalah di beberapa buah kerusi penting. Di Kuala Lumpur rusuhan antara kaum telah berlaku. Rumah-rumah dibakar, ahli parti-parti politik memenuhi jalan raya, pasukan keselamatan bertungkus lumus cuba mengawal keadaan namun kekacauan terus menerus berlaku. Akhirnya pasukan tentera dipanggil membantu mengawal keamanan dan perintah berkurung diisytiharkan. Pada 14 Mei 1969, Yang di-pertuan Agong mengisytiharkan darurat di seluruh negara dan parlimen serta perlembagaan digantung. Kerajaan Perikatan telah menubuhkan MAGERAN untuk mengendalikan kerajaan dalam keadaan darurat. Sebagai gantian kepada parlimen, sebuah Majlis Perundingan Negara ditubuhkan dan Tun Razak dipilih sebagai pengarah operasi. Majlis Perundingan Negara ini turut dianggotai wakil-wakil daripada semua parti politik, kecuali

Democratic Action Party (DAP) yang enggan menyertai. semua parti pembangkang seperti PAS, Gerakan dan Parti Progresif Rakyat hadir menghantar wakil (Zainal Abidin 1996).

Sebelum berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969, beberapa perkembangan politik telah berlaku di Tanah Melayu. Sejak selesainya Pilihan raya Umum 1964, keadaan politik negara tidaklah begitu tenteram. Isu-isu perkauman yang pernah dibangkitkan oleh PAP telah diteruskan oleh DAP. Antara isu yang menjadi perdebatan antara kaum itu ialah cadangan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, penubuhan Universiti Merdeka, isu bahasa kebangsaan, kedudukan ekonomi bumiputera, dan kemiskinan dalam kalangan penduduk Melayu di luar bandar. Isu-isu di atas telah dibincangkan secara terbuka dan tuduh-menuduh antara kaum berjalan tanpa adanya sebarang sekatan. Antara mereka yang menjadi juara suara orang-orang Melayu ialah Syed Jaafar Albar, Syed Nasir, Harun Idris, Musa Hitam, Abdullah Ahmad dan Dr. Mahathir. Lee Kuan Yew pemimpin parti PAP menyifatkan mereka ini sebagai "Ultra Melayu."

Pemimpin-pemimpin yang digelar "Ultra" ini bukan sahaja membela nasib orang Melayu, mengkritik pemimpin Cina malah Tunku Abdul Rahman turut menjadi mangsa kritikan. Dr. Mahathir menuduh Tunku Abdul Rahman terlalu berlembut dengan tuntutan orang Cina sehingga berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969. Pada 17 Jun 1969, Dr. Mahathir telah menulis sepucuk surat kepada Tunku Abdul Rahman melahirkan perasaan tidak puas hati dengan gaya pemerintahan Tunku. Antaranya ialah cara Tunku menangani permasalahan orang Melayu sehingga berlakunya ketegangan kaum Melayu dan Cina. Surat Dr. Mahathir telah "terbocor" dan disalin serta disebar secara meluas. Akibatnya Tunku berpendapat Dr. Mahathir harus keluar daripada Majlis Tertinggi UMNO dan dipecat daripada menjadi ahli parti (Milne, 1982). Pada 12 Julai 1969, Dr. Mahathir telah dipecat daripada menjadi ahli UMNO. Bersama-sama beliau ialah Musa Hitam yang turut dipecat pada 28 Julai 1969. Musa Hitam pada masa menjalani tempoh penyingkirannya telah berangkat ke London untuk menyambung pelajaran. Pertentangan antara Tunku Abdul Rahman dengan Dr. Mahathir pada umumnya telah diketahui ramai. Namun hal ini menjadi terbuka setelah surat Dr. Mahathir kepada Tunku disebar secara meluas dan pemecatan Dr. Mahathir diambil oleh Tunku. Semasa menjalani tempoh pemecatannya, Dr. Mahathir menulis sebuah bukunya bertajuk *The Malay Dilemma* yang diterbitkan di Singapura. Buku ini diharamkan di Malaysia sehinggalah ia ditarik balik ketika Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Dalam buku *The Malay Dilemma*, Dr. Mahathir telah membuat analisis sebab-sebab berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969. Selain itu, Dr. Mahathir turut membincangkan soal ekonomi orang Melayu, hak milik tanah, nasionalisme, kemajuan bangsa Melayu dan beberapa perkara lain yang menyentuh kepentingan negara. Dr. Mahathir hanya kembali ke pangkuan UMNO setelah Tun Abd Razak menjadi Perdana Menteri menggantikan Tunku Abdul Rahman.

## 5. Penentangan Tengku Razaleigh Hamzah 1981, 1984 dan 1987

Perhimpunan Agung UMNO pada April 1987, mencatat sejarah apabila pemilihan Majlis Tertinggi menyaksikan kedudukan presiden telah dicabar dengan hebat sekali. Pada masa yang sama, beberapa jawatan tertinggi lain seperti timbalan presiden, naib presiden dan ahli Majlis Tertinggi turut menjadi rebutan dalam kalangan pemimpin-pemimpin UMNO. Dalam hal ini kedudukan Dr. Mahathir sebagai presiden parti telah dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Sejarah UMNO memperlihatkan sejak pemilihan Agung parti pada 1978, kedudukan presiden UMNO pada ketika itu disandang oleh Hussein Onn buat pertama kali dalam sejarah telah dicabar oleh Sulaiman Palestine. Tindakan Sulaiman Palestine pada ketika itu telah melanggar tradisi parti dan dianggap tidak lebih sebagai satu protes kepada presiden parti. Walau bagaimanapun alasan yang diberikan, tindakan penentangan terhadap presiden parti melalui proses pemilihan dalam Perhimpunan Agung UMNO bukanlah sesuatu yang baru. Bagaimanapun pemilihan Majlis Tertinggi UMNO 1987, memperlihatkan kelainan daripada pemilihan-pemilihan yang telah berlaku pada sebelumnya. Persaingan antara Dr. Mahathir selaku presiden dan Tengku Razaleigh Hamzah telah menyebabkan sokongan ahli UMNO berpecah kepada dua kumpulan iaitu masing-masing kepada Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh Hamzah. Walaupun pada akhirnya Dr. Mahathir memenangi persaingan tersebut namun sejarah UMNO telah tercalar apabila parti tersebut diharamkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pengharaman UMNO menyaksikan penubuhan dua parti baru bagi meneruskan perjuangan orang-orang Melayu iaitu UMNO (Baru) dan parti Semangat 46 yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Sejarah persaingan antara dua tokoh ini dapat diimbangi kembali dengan pelantikan Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Perdana Menteri ketika itu Hussein Onn pada 1976. Dr. Mahathir menduduki tempat ketiga dalam barisan Naib Presiden UMNO 1975. Beliau bukanlah calon "pilihan" apabila dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri oleh Hussein Onn pada 1976. Terdapat dua Naib Presiden yang lebih "senior" iaitu Ghaffar Baba dan Tengku Razaleigh Hamzah. Pada waktu itu kedudukan Dr. Mahathir dalam UMNO agak lemah berbanding dua lagi Naib Presiden. Hal ini kerana beliau dianggap masih "baru" berada di barisan hadapan kepimpinan UMNO setelah disingkir daripada parti pada era Tunku Abdul Rahman menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Bagaimanapun Hussein Onn memilih Dr. Mahathir kerana kelebihan yang dimiliki olehnya berbanding Ghaffar Baba dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Apabila Dr. Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri pada Julai 1981, kedudukan beliau tidaklah begitu kuat. Beliau juga dikatakan menghadapi masalah dalam memilih timbalannya dalam kerajaan dan parti. Tengku Razaleigh Hamzah yang lebih "senior" kedudukannya dalam barisan kepimpinan UMNO tidak dipilih secara automatik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Sebaliknya Dr. Mahathir lebih gemar jawatan itu dipertandingkan melalui Perhimpunan Agung UMNO 1981.

Sehubungan dengan itu, pada Perhimpunan Agung UMNO tahun 1981, parti UMNO telah menyaksikan perebutan jawatan Timbalan Presiden. Dua calon yang bertanding ialah Tengku Razaleigh Hamzah dan Musa Hitam selaku Menteri Pelajaran pada waktu itu. Kedua-dua calon ini mendapat sokongan kuat perwakilan. Musa Hitam dilihat lebih berpeluang kerana imej yang dimilikinya sebagai seorang tokoh yang memperjuangkan 'suara Melayu' berbanding lawannya. Sementara itu, Tengku Razaleigh Hamzah yang kurang digemari kerana dikatakan terlalu rapat dengan golongan peniaga Cina. Biarpun pada satu ketika Tengku Razaleigh Hamzah mendapat sokongan lebih besar namun ucapan Hussein Onn selaku Presiden pada ketika itu telah secara tidak langsung merestui supaya Musa Hitam dipilih dan natijahnya Tengku Razaleigh Hamzah telah kalah dengan kekurangan 205 undi berbanding pencabarnya. Pertandingan antara kedua-dua tokoh ini berulang lagi dalam pemilihan berikutnya iaitu pada 1984. Sekali lagi dalam perhimpunan itu Tengku Razaleigh Hamzah telah tumpas dengan hanya memperoleh undi sebanyak 501 undi berbanding Musa Hitam sebanyak 774 undi.

## 6. Pemecatan Anwar Ibrahim 1998

Pada 2 September 1998, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dipecat daripada jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Pada hari berikutnya beliau turut disingkir daripada jawatan Timbalan Presiden dan ahli UMNO. Pemecatan Anwar telah membawa UMNO ke dalam krisis yang besar pada dekad 1990-an. Tindakan ini juga menjadi krisis kedua terbesar dalam karier Dr. Mahathir sebagai presiden parti sejak peristiwa pepecahan UMNO 1987. Pemecatan Anwar telah mengubah lanskap politik negara dan kesannya tidak hanya diterima oleh UMNO tetapi melebar ke atas semua parti politik di Malaysia. Perbincangan topik ini menjurus kepada beberapa perkara iaitu perhubungan awal Anwar dengan Dr. Mahathir, bagaimana krisis antara kedua-duanya terwujud, perbicaraan Anwar serta kesan yang timbul akibat berlakunya krisis besar ini. Kemuncak kepada krisis Anwar dan Dr. Mahathir berlaku pada 2 September 1998. Bagaimanapun sebelum tarikh itu, pertentangan antara kedua-duanya telahpun berlaku. Misalnya pada Perhimpunan Agung UMNO 1995 dan semasa lawatan Dr. Mahathir ke luar negara pada Julai hingga Ogos 1997. Telah tersebar khabar angin menyatakan bahawa sudah tiba masanya kedudukan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri perlu diganti oleh Anwar. Khabar angin ini dikatakan disebar oleh penyokong Anwar dan juga golongan yang ingin mengambil kesempatan di pasaran saham Malaysia. Walaupun khabar angin ini dinafikan oleh kedua-dua pemimpin, namun beberapa peristiwa seperti cara penyelesaian kepada masalah Al-Arqam dan isu penggantian Ketua Menteri oleh Dr. Mahathir tampak kurang disenangi oleh Anwar. Anwar turut tidak menyenangi hubungan baik Dr. Mahathir dan Daim selaku penasihat ekonomi dan Bendahari UMNO khususnya dalam soal projek empangan Bakun. Pada Julai 1997, krisis ekonomi telah melanda dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara. Bermula di Thailand krisis menjalar ke beberapa buah negara seperti Filipina, Indonesia dan Malaysia. Di Malaysia, krisis ini bukan sahaja menjejaskan ekonomi namun turut memberi kesan kepada politik dalaman negara. Dr. Mahathir sebagai perdana menteri telah mengecam spekulator-spekulator mata wang yang menyebabkan krisis ini berlaku. Bagaimanapun pendapat Dr. Mahathir disanggah oleh Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan Malaysia pada ketika itu. Beliau menyatakan bahawa krisis ekonomi di Malaysia adalah disebabkan oleh faktor dalaman iaitu berleluasanya amalan rasuah, kronisme dan nepotisme. Selain itu cara Anwar menangani kenaikan kadar bunga serta usaha membawa masuk IMF ke Malaysia tidak disukai oleh Dr. Mahathir. Bagi Dr. Mahathir cara pengendalian ekonomi Anwar terlalu konservatif. Pada 2 September 1998, Anwar Ibrahim telah dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan selepas beliau menolak gesaan Dr. Mahathir supaya meletakkan jawatan. Pada hari berikutnya menerusi mesyuarat tergempar Majlis Tertinggi, Anwar Ibrahim telah disingkirkan daripada jawatan Timbalan Presiden dan ahli UMNO. Sebelum pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden dan ahli UMNO, pihak polis telah mengemukakan affidavit di Mahkamah Tinggi dengan sepuluh pertuduhan terhadap Anwar. Lima pertuduhan membabitkan rasuah dan selebihnya berkaitan dengan tuduhan liwat. Anwar Ibrahim juga dituduh menyalahgunakan kuasanya sebagai Timbalan Perdana Menteri dengan mengarahkan dua pegawai kanan polis untuk campur tangan dalam penyiasatan ke atas dua saksi berkait dengan kes liwat yang mengaitkan dirinya.

## 7. Krisis Tun Mahathir dengan Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi 2008

Di sebabkan oleh Tun Abdullah tidak meneruskan legasi Tun Mahathir dan membatalkan beberapa projek projek pembangunan yang dirancangkan serta berjanji untuk di laksanakan apabila Tun Abdullah menjadi Perdana Menteri. Lebih berkecenderungan kepada stail atau corak kepimpinan yang di bawa yang menyebabkan berlakunya konflik dalaman selain daripada beberapa polisi pentadbiran yang diperkenalkan dikatakan tidak direstui oleh Tun Mahathir. Keadaan yang paling ketara selepas terhakisnya mandat dua pertiga pada

Pilihanraya Umum ke 12 yang menyebabkan krisis dalaman ini menjadi semakin parah sehinggalah keadaan itu menjadi kendur semula apabila Pak Lah turun dan di gantikan oleh calon sokongan Tun Mahathir iaitu Datuk Sri Najib Tun Abdul Razak

## 8. Krisis Tun Mahathir dengan Datuk Seri Najib Tun Razak 2016

Datuk Seri Najib adalah merupakan calon pilihan Tun Dr Mahathir kerana Tun Mahathir terhutang budi dengan jasa Tun Razak. Pada peringkat awal Datuk Seri Najib disokong sepenuhnya oleh Tun Mahathir namun selepas timbul isu 1 MDB keadaan mulai berubah di mana Tun Mahathir telah melakukan penentangan kepada Datuk Seri Najib. Di samping itu Najib juga dikatakan membuat beberapa keputusan atau polisi antaranya tidak meneruskan legasi Tun Mahathir, Jambatan Bengkong yang dibatalkan oleh Pak Lah sebelumnya selain turut juga membatalkan beberapa projek projek pembangunan yang dirancangan serta berjanji untuk di laksanakan apabila Najib menjadi Perdana Menteri. Lebih berkecenderungan kepada stail atau corak kepemimpinan yang di bawa yang berbeza menyebabkan berlakunya konflik dalaman selain daripada beberapa polisi pentadbiran yang diperkenalkan dikatakan tidak diresmi oleh Tun Mahathir. Keadaan yang paling ketara selepas kekalahan yang lebih teruk dalam PRU ke 13 di samping terus kekal dengan terhakisnya mandat dua pertiga yang dicapai pada Pilihanraya Umum ke 12 yang menyebabkan krisis dalaman ini menjadi semakin parah sehinggalah sekarang pada tahun 2016 dimana konflik Elit Dalaman UMNO itu masih berterusan dengan pemecatan demi pemecatan yang dilakukan oleh Najib terhadap kumpulan Pro Tun Mahathir seperti Tan Sri Muhyidin Yassin dan Mukhriz Mahathir daripada perjawatan dalaman parti UMNO dan keahlian Parti UMNO .

## 9. Kesimpulan

Pada umumnya sumber pergolakan dalam UMNO itu diperoleh daripada dua iaitu organisasi dan individu dalam parti itu sendiri. Daripada segi organisasi, pergolakan diakibatkan oleh perbezaan kepercayaan organisasi yang bergabung dalam UMNO seperti kes penarikan diri PKMM. Faktor yang hampir sama terjadi apabila pimpinan biro agama UMNO keluar membentuk PAS pada 1951. Sementara itu perbezaan pendapat mahupun prinsip dalam kalangan pemimpin UMNO turut menjadi punca pergolakan. Hal ini dapat dilihat dalam kes Dato'Onn Jaafar, pemecatan Dato' Panglima Bukit Gantang, Aziz Ishak, Dr.Mahathir, Tengku Razaleigh Hamzah dan Anwar Ibrahim, Muhyidin Yassin, Mukhriz Mahathir. Pemimpin-pemimpin ini terpaksa keluar daripada parti sama ada secara sukarela mahupun dipecat hanya kerana perbezaan kepercayaan dan prinsip dengan kepemimpinan parti. Selain itu masalah moral seperti kes Dato'Harun Idris dan Dato'Seri Anwar Ibrahim juga menyebabkan mereka disingkirkan daripada UMNO. Walaupun kedua-dua mereka mempunyai penyokong yang ramai di atas kapasiti mereka sebagai pemimpin dalam parti dan kerajaan, UMNO tetap patuh kepada keputusan undang-undang. Ertinya UMNO sebagai sebuah gerakan sosial Melayu terbesar tidak dapat berkompromi daripada segi pelanggaran undang-undang dalam kalangan ahlinya. Secara ringkasnya, pergolakan dalaman UMNO berlaku kerana terdapat perbezaan yang secara semulajadi telah wujud seawal pembentukan parti itu pada 1946. Melalui perjalanan masa perbezaan ini menjadi bertambah besar apabila ada pemimpin tertentu yang meletakkan kepentingan peribadi melampaui segalanya. Justeru, pelbagai bentuk salah laku dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Namun begitu, perkara seperti inilah yang telah memantapkan UMNO dan mewarnai sejarah perkembangan parti itu dalam politik Melayu di Malaysia.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan yang diberi sehingga kajian ini berjaya untuk diterbitkan.

## Konflik Kepentingan

Tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

## Sumbangan Penulis

Kerja ini dilaksanakan dengan kerjasama semua penulis.

## Rujukan

A. Ghani Ismail, Razaleigh Lawan Musa, Pusingan Kedua 1984, IJS Communications Sdn Bhd, Taiping, 1983.

Abdullah Abdul Kadir Munshi, Kisah Pelayaran Abdullah, Fajar Sakti, Kuala Lumpur, 1981.

Abdullah Ayob, Cara Pemerintahan Tanah Melayu 1957-1963, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.

Ahmad Nazri Abdullah, Melayu Dan Tanah, Media Intelek, Petaling Jaya, 1985.

- Alias Mohamed, Kelantan: Politik Dan Dilemma Pembangunan, Penerbitan Utusan Melayu(M) Bhd, Kuala Lumpur, 1975.
- Allen, James de V., The Malayan Union, Monograph Series No.10, Yale University, 1967.
- Aminuddin Mohd. Yusoff & Mohd. Ali Kamarudin, Kepemimpinan Pemuda UMNO: Antara Personaliti dan Situasi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988.
- Anuar Abdullah, Dato' Onn, Nusantara, Kuala Lumpur, 1971.
- Apter, D. E., Ghana in Transition, Princeton University Press, New Jersey, 1972.
- Aziz Zariza Ahmad, Putera Raja di Hati Rakyat: Tengku Razaleigh Hamzah, Kedai Buku Koperatif Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983.
- Dr. Mahathir Mohamed: Fasa Kedua, Firma Malaysia Publishing, 1988.
- Bailey, C., Broker, Mediator, Patron and Kinsman: An Historical Analysis of Key Leadership Roles in a Rural Malaysian District, Ohio University Center for International Studies, Athens, 1976.
- Blau, P., Exchange and Power in Social Life, John Wiley, New York, 1964.